

Diploma untuk pelajar tahfiz

Menerusi program bersama Kolej Komuniti

■ **KHAIRULKHEIZA MOHD NAJIB**

NILAI - Pelajar maahad tahfiz, pondok dan madrasah berpeluang memperoleh sijil kemahiran dan diploma yang diiktiraf Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menerusi program bakal dilaksanakan bersama Kolej Komuniti.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh bagaimanapun berkata, program berteraskan sistem persijilan secara bermodul dan tersusun itu masih lagi dalam peringkat perancangan, buat masa ini.

"Kita cadangkan agar setiap pelajar yang berjaya menyempurnakan sekurang-kurangnya empat modul akan layak mendapat sijil kemahiran manakala enam modul pula diploma, walaupun mengikutinya tidak sepenuh masa.

"Apabila sudah ada diploma nanti, bolehlah mereka melanjutkan pelajaran misalnya di Politeknik untuk mendapatkan ijazah. Ini transformasi pendidikan yang cuba kita capai melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)," katanya.

Setakat ini, katanya, program sedemikian memang ada dijalankan di Kolej Komuniti sejak 2013, namun setiap pelajar terlibat hanya diberikan sijil penyertaan.

"Difahamkan lebih kurang 40,000 pelajar maahad tahfiz dan petugas dari pelbagai agensi agama mengikuti



Idris (depan dua, kiri) membuat lawatan ke gerai Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

64 program kemahiran, termasuk bidang keusahawanan di 91 Kolej Komuniti pada setiap hujung minggu.

"Cuma untuk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat belum dijalankan lagi, sebab ini program baru. Tapi tidak mustahil untuk dilaksanakan kerana platformnya sudah wujud," katanya yang melihat langkah berkenaan sebagai cukup penting bagi melahirkan pelajar tahfiz, madrasah dan pondok berkemahiran dan bukan sekadar memiliki ilmu agama.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan perasmian Seminar Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) Peringkat Nasional 2015 di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPT, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang; Pengerusi Lembaga Penasihat

Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Islam, Prof Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor; Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Datuk Amir Md Noor dan Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Musa Ahmad.

Mengulas program julung kali diadakan pula, beliau berkata, selain bermatlamat untuk melengkapkan pelajar tahfiz, madrasah dan pondok dengan bidang kemahiran, PISH juga mahu memastikan orang Muslim mendapat pendidikan Islam formal secara berterusan dan tidak terhenti di peringkat sekolah, kolej dan universiti.

"PISH merupakan salah satu inisiatif yang dicetuskan di bawah Pembelajaran Sepanjang Hayat. Kita harap, satu resolusi kesepakatan dan idea baru dapat dihasilkan bagi memastikan usaha ini berjalan dengan terancang dan berkesan," katanya.